



KREW KELANA KOMUNIKASI

IBU PEJABAT KEBANGSAAN
PERSEKUTUAN PENGAKAP MALAYSIA

PANDUAN MENULIS LAPORAN JOTA DAN JOTI

Asalamualaikum dan Salam Pengakap

Pihak Kelana Komunikasi IPK PPM ingin membantu sedikit sebanyak dalam memberikan panduan asas format menulis Laporan JOTA. Apa yang ingin diutarakan disini hanyalah laporan JOTA sahaja, namun untuk laporan JOTI, pihak stesen berkaitan yang mengadakan JOTI bolehlah membuat kesesuaian bekenaan laporan JOTI ke dalam laporan JOTA ini secara menyeluruh.

Dengan adanya garis panduan ini sebagai panduan asas, pihak kami berharap laporan JOTA akan lebih 'professional' dan sistematik. Ini secara langsung akan memudahkan para pembaca laporan untuk di edit secara keseluruhan Laporan se-Malaysia untuk dihantar kepada WOSM pada setiap tahun.

Harus di ingat bahawa laporan-laporan jota mestilah dihantar kepada pihak tertinggi pengurusan JOTA seperti berikut:-

NAMA JOTA	TARIKH JOTA SETIAP TAHUN	TARIKH TAMAT HANTAR LAPORAN
✓ JOTA MALAYSIA	5,6 MEI	15 MEI
✓ JOTA APR	1,2 OGOS	15 OGOS
✓ JOTA SEDUNIA	17,18 OKTOBER	30 OKTOBER

Semua laporan-laporan JOTA yang anda serahkan akan di analisis secara keseluruhan, dan PIP UTK PPM iaitu Tuan Ahmad Razif Bin Ramli-9M2RT, akan serahkan secara rasmi kepada ECXO PPM Tn Hj Zakran Bin Abdul Manan-9M2ZNM untuk beliau terus hantar kepada Pengendali JOTA Dunia di Pertubuhan Pengakap Sedunia-WOSM secepat mungkin.

Antara perkara yang perlu diambil kira dalam membuat Laporan JOTA-JOTI ialah:

1. FORMAT ASAS LAPORAN JOTA

- ❖ Laporan boleh ditaip dalam bahasa Malaysia atau Bahasa Inggeris.
- ❖ Sebaik-baiknya ditaip menggunakan font 'Times New Roman' atau 'Arial' dengan saiz 14.
- ❖ Boleh ditaip 1 baris atau langkau 2 baris (double spacing) pada document yang ditetapkan pada saiz A4 mengikut kesesuaian anda.
- ❖ Anda boleh menggunakan format penulisan sistematik (lengkap dengan hujah, rujukan, petikan, ilustrasi, nota – footnote/endnote): Anda bebas menggunakan

format A.P.A. atau M.L.A. (Penerangan mengenai kedua-dua format di atas boleh didapati dengan mudah di internet.)

- ❖ Meletakkan muka surat (page number) pada setiap helaian

2. MUKA DEPAN (COVER PAGE)

Muka Depan (cover report anda) haruslah mengandungi:

- ❖ Gambaran JOTA-JOTI dengan menunjukkan aktiviti atau sebarang ilustrasi atau hiasan yang diperkirakan sesuai
- ❖ Tajuk Laporan JOTA-JOTI
- ❖ Callsign Stesen
- ❖ Penulis Laporan sama Ketua Stesen, Pengurus Stesen, individu lain atau mewakili kumpulan dan sebagainya.

3. KANDUNGAN (TABLE OF CONTENTS)

Setiap Laporan JOTA-JOTI haruslah mempunyai Sinopsis atau kandungan isi tesis tersebut (sebaik-baiknya disertakan dengan mukasuratnya sekali)

4. MUKADIMAH

Sedikit kata pembukaan oleh penulis laporan

5. ISI LAPORAN

Isi kandungan adalah tertakluk kepada laporan anda berupa;

- ❖ Carta Organisasi AJK JOTA-JOTI
- ❖ Program Lengkap keseluruhan JOTA-JOTI
- ❖ Cuaca lokasi
- ❖ Propagation
- ❖ Laporan kedudukan GPS stesen anda
- ❖ Peralatan radio yang digunakan, antenna, power supply dll
- ❖ Stesen-stesen yang telah dihubungi Dalam Dan Luar Negara
- ❖ Carta atau data-data peserta
- ❖ Apa-apa sahaja yang difikirkan perlu.

7. PENUTUP

Sertakan lampiran seperti berikut;

- **WAJIB DILAMPIRKAN - Borang Rasmi Ringkasan LAPORAN STESEN JOTA**
- Gambar Foto
- Lencana
- Rekabentuk Qsl card anda
- Keratan akhbar
- Apa-apa sahaja yang difikirkan perlu.

LAPURAN STESEN JOTA
PERSEKUTUAN PENGAKAP MALAYSIA
Jamboree-on-the-Air/ Jamboree On The Internet (JOTA/JOTI)
5th Asia Pacific Region 1-2 Ogos 2009



Laporan JOTA anda yang lengkap adalah PENTING dan akan mewakili Persekutuan Pengakap Malaysia. Laporan ini hendaklah dihantar dan MESTI diterima oleh Pejabat ini pada atau sebelum **15 Ogos 2009**. Maklumat ini diperlukan oleh PPM untuk seterusnya membuat pembaikan dalam kendalian JOTA di masa akan datang .

NAMA DAERAH/NEGERI :	_____	NO KUMPULAN.:	_____
CALLSIGN :	_____	NAMA PEMEGANG LESEN AMATUR:	_____
BILANGAN STESEN YANG BERJAYA DIHUBUNGI:	_____	BILANGAN NEGERI :	_____
BERHUBUNG DENGAN NEGARA LUAR?	ADA <input type="checkbox"/>	TIADA <input type="checkbox"/>	BILANGAN: _____
BILANGAN PESERTA JOTA DI STESEN ANDA:			
PENGAKAP:	_____	PANDU PUTERI/PASUKAN BERUNIFOM LAIN:	_____
RADIO AMATUR:	_____	PELAWAT:	_____
STESEN JOTI :	ADA <input type="checkbox"/>	TIADA <input type="checkbox"/>	BILANGAN STESEN YG DIHUBUNGI : _____

LAPURAN RINGKAS (SILA GUNAKAN LAMPIRAN):

(Isi laporan: sila nyatakan konfigurasi stesen radio anda, peralatan yang digunakan, masalah yang dihadapi, perkara menarik yang berlaku dan perkara atau cadangan yang dirasakan penting)

BERSAMA INI DISERTAKAN:

- Gambar-gambar Aktiviti* (dengan keterangan)
- Aturcara Aktiviti
- Keratan Akhbar

* Gambar dalam format digital adalah digalakkan.

Sila hantar laporan ini kepada:

PERSEKUTUAN PENGAKAP MALAYSIA
"Rumah B-P",Jalan Hang Jebat
50150 Kuala Lumpur Wilayah Persekutuan
(U/P: Ahmad Razif – PIP UTC)
Atau email razif@scouts.my

Pada atau sebelum: **15hb Ogos 2009**.

LAPURAN INI DISEDIAKAN OLEH:

Nama: _____

Tandatangan: _____

LAPURAN INI DISEMAK OLEH:

Tandatangan: _____

Nama: _____

Jawatan: _____